

31 DEC 1996

Kenyir-Jalan

KERAJAAN PERSEKUTUAN BELANJA RM16 JUTA JALAN TASIK KENYIR

KUALA TERENGGANU, 31 Dis (Bernama) -- Kerajaan pusat meluluskan peruntukan RM16 juta untuk membina jalan di Tasik Kenyir bagi memajukan lagi kawasan pelancongan itu, kata Pengerusi Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Datuk Ibrahim Awang.

"Ini projek khas yang diluluskan oleh Perdana Menteri," katanya pada persidangan media sempena Tahun Melawat Terengganu (TMT) hari ini.

Beliau berkata tender pembinaan jalan itu akan dikeluarkan Februari tahun depan dan ia dijangka siap dalam tempoh setahun.

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) juga akan membina sebuah jeti utama di tasik itu tahun depan. Pada masa ini, terdapat sebuah jeti di Sungai Gawi.

Ibrahim berkata sambutan pelancong dan juga pengusaha pelancongan terhadap tasik buatan manusia itu dijangka meningkat dengan adanya kemudahan jalan dan jeti itu.

Menurut beliau, kerajaan negeri mungkin menarik balik kebenaran diberikan kepada pengusaha pelancongan di tasik itu sekiranya mereka tidak melaksanakan projek dalam jangka masa ditentukan.

"Kerajaan berhak menarik balik tanah yang diluluskan kepada pengusaha berkenaan sebab tanah masih milik kerajaan," katanya.

Mengenai TMT, beliau berkata acara perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam esok akan disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Ibrahim berkata satu majlis khas menyambut pelancong melalui darat dan udara akan diadakan di pintu-pintu masuk ke negeri ini pagi esok. Pelancong akan diberikan risalah TMT. -- BERNAMA

IB MAI